



Ruj Tuan :

Ruj Kami : JP.BBT.207/SAFE/14/16(8 )

Tarikh : 22 November 2019

## KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

### KADAR DAN CAJ BAYARAN PENGELUARAN SIJIL FITOSANITASI DAN SIJIL/ PERMIT CITES

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Pertanian hanya mengenakan caj pemeriksaan bagi pengeluaran Sijil Fitosanitasi eksport, eksport semula (*re-export*), Import/ Eksport Permit CITES dan Sijil Pembiakan Secara Buatan selaras dengan peruntukan dibawah Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981 dan Peraturan-peraturan Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam (Permit, Perakuan, Pendaftaran dan Fi) 2009. Kadar dan caj bayaran pengeluaran Sijil Fitosanitasi dan Sijil/ Permit CITES adalah seperti di Lampiran 1.

3. Bayaran bagi pengeluaran Sijil Fitosanitasi boleh dibuat secara atas talian melalui laman web [myphyto.gov.my](http://myphyto.gov.my) atau secara bayaran tunai melalui kaunter bayaran di pejabat-pejabat terpilih kepada Pegawai Pemungut atau Pegawai Kerajaan yang diberi kuasa untuk memungut hasil bagi pihak Kerajaan. Serahan dan terimaan wang tunai oleh Pegawai Kerajaan yang tidak diberi kuasa untuk memungut hasil Kerajaan adalah dilarang dan pihak yang terlibat boleh diambil tindakan mengikut undang-undang yang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(NGIZAILAH BINTI HJ ZAKARIA)**

Pengarah  
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan  
Jabatan Pertanian Malaysia

*Harap sebutkan bilangan surat kami apabila menjawab*



Rakyat Didahulukan  
Pencapaian Diutamakan

## **SALINAN KEPADA**

1. Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Regulatori)  
Jabatan Pertanian Malaysia
2. Ketua Unit Integriti  
Jabatan Pertanian Malaysia
3. Pegawai Pertanian Kuasa Usaha  
Bahagian Biosekuriti Negeri

## KADAR DAN CAJ BAYARAN BAGI PENGELUARAN SIJIL FITOSANITASI DAN SIJIL/ PERMIT CITES

Perkara	Kadar/ jam
1. ½ jam tenaga kerja pertama (man/hour) atau sebahagian darinya	RM 10.00/ ½ jam
2. ½ jam tenaga kerja kedua (man/hour) atau sebahagian darinya	RM 10.00/ ½ jam
3. Tiap-tiap jam tenaga kerja tambahan (man/hour) atau sebahagian darinya	RM 20.00/ jam
4. Elaun kerja lebih masa melebihi waktu pejabat biasa	RM 4.00/ jam
5. Elaun kerja lebih masa pada hari pelepasan mingguan atau perlepasan awam.	RM 8.00/ jam
6. Kos perjalanan pergi balik (jarak perbatuan mengikut jalan raya)	RM 0.50/km
7. Kos Sijil/ Permit CITES	RM 50.00/ permohonan

\* Caj minimum untuk pengeluaran Sijil Fitosanitasi ialah RM 20.00/ sijil (permohonan biasa)

Caj permohonan melalui skim Malaysian Phytosanitary Certification Assurance (MPCA) ialah RM10.00/ sijil